

Residensi Wilayah Aman Lumayan serba lengkap

Projek RM1.01b
dibangunkan
dalam tiga fasa,
tawar 3,438 unit
kediaman
mampu milik

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Danau Lumayan Sdn Bhd yakin projek Residensi Wilayah Aman Lumayan bakal membantu meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat berpendapatan sederhana dan rendah di Lembah Klang.

Pengarah Urusannya, Shahril Reza Shaheen, berkata projek kediaman mampu milik itu menawarkan 3,438 unit dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM1.01 bilion di Bandar Sri Permaisuri, Cheras.

Beliau berkata projek berkenaan dibangunkan dalam tiga fasa iaitu Fasa 1, Fasa 2A dan Fasa 2B, dengan keseluruhan pembinaan dijangka siap dalam tempoh lima tahun.

"Projek dimulakan dengan Fasa 2B, melibatkan Residensi Wilayah setinggi 55 tingkat dengan 26 unit di setiap aras. Keistimewaan projek ini ialah reka bentuk bangunan berbentuk 'Y' yang memastikan setiap pemilik menikmati pemandangan tersendiri tanpa berdepan dengan unit lain," katanya pada majlis pecah tanah projek berkenaan yang disempurnakan Per-



Anwar bersama Azizah melihat model Residensi Wilayah Aman Lumayan pada majlis pecah tanah projek di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

dana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Kuala Lumpur, semalam.

Bagi Fasa 2A, bangunan setinggi 50 tingkat akan dibangunkan, manakala Fasa 1 setinggi 43 tingkat. Semua unit kediaman ditawarkan pada harga RM300,000 seunit.

Lokasi tarikan utama

Lokasi projek turut menjadi tarikan utama kerana terletak kurang 500 meter dari Cadangan Jajaran Laluan Lingkaran MRT3 Stesen Sri Permaisuri, sekali gus me-

mudahkan akses pengangkutan awam.

"Dengan kedudukan strategik ini, pembeli tidak perlu bimbang soal parkir kerana mereka boleh memanfaatkan kemudahan pengangkutan awam. Di sekitarnya juga terdapat pelbagai kemudahan seperti Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Stadium Cheras, balai polis dan Taman Tasik Permaisuri," katanya.

Residensi itu juga dilengkapi pelbagai kemudahan dalaman termasuk kolam renang dan kolam kanak-kanak ala taman tema, dewan

serba guna, surau serta kawalan keselamatan 24 jam. Sebanyak 18 gerai penjaja Madani turut disediakan bagi memberi peluang perniagaan kepada usahawan tempatan.

Mengulas teguran Perdana Menteri yang mahu pihak pemaju meneliti semula laporan kemudahan asas seperti sekolah, Shahril Reza berkata pihaknya bersedia berbincang dengan kerajaan.

"Kami menyambut baik saranan itu dan akan berjumpa Perdana Menteri Isnin depan untuk membincangkan keperluan tersebut," katanya.